



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

HEMBUSAN MAUT

Tarikh Dibaca :

**10 SYAWAL 1440H/
14 JUN 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



HEMBUSAN MAUT

Hari Tanpa Tembakau 2019

14 Jun 2019M/ 10 Syawal 1440H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، تَحْمِدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ
 سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
 أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
 صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ أَسْتَسْقَى مُوسَى لِرَوْمَهِ، فَقُلْنَا أَضْرِبْ بِعَصَالَةَ الْحَجَرِ فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ أَثْنَتَ عَشَرَةَ
 عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَشَرِبَهُمْ كُلُّهُمْ رَزْقُ اللَّهِ وَلَا تَعْثَوْنَ فِي الْأَرْضِ

مُفْسِدِينَ

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari yang mulia ini, khatib menyeru kepada seluruh kaum muslimin supaya kita bertaqwah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT merahmati hidup kita di dunia hingga akhirat.

Marilah kita sama-sama hayati bicara mimbar pada hari ini berajuk, “Hembusan Maut”.



Sidang Jemaah yang berbahagia,

Antara nikmat yang besar yang Allah SWT kurniakan kepada kita adalah nikmat kesihatan. Selain berupa nikmat, ia juga adalah suatu ujian Allah kepada hamba-hambanya. Sebagai makhluk Allah SWT, kita dituntut untuk mensyukuri nikmat kesihatan dengan menjaga dan memeliharanya. Penjagaan kesihatan yang paling penting adalah melalui pemakanan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat. Allah SWT banyak mengisyaratkan bahawa makanan dan minuman pemberianNya adalah merupakan suatu ujian agar manusia tidak melampaui batas serta melakukan kerosakan di bumi. Antaranya ialah firman Allah SWT menerusi surah al-Baqarah, ayat 60:

Bermaksud: “*Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: “Pukullah batu itu dengan tongkatmu”, (dia pun memukulnya), lalu terpancullah air dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing. (Dan Kami berfirman): “Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi.”*

Ayat tersebut mengisahkan anugerah Allah SWT berupa minuman kepada umat Nabi Musa AS. Pemberian itu turut disusuli dengan perigatan supaya hamba-hambanya tidak menyebarkan kerosakan dimuka bumi. Ini kerana, makanan dan minuman boleh menjadi punca kesihatan atau berubah menjadi faktor kesakitan seseorang.

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekelian,

Islam sangat menitikberatkan kesejahteraan kehidupan manusia iaitu demi mencapai kepentingan dalam kehidupan, menjamin kemaslahatan,



menyekat kemudaratan dan menolak kerosakan. Keseluruhan perkara ini terangkum dalam maqasid syariah atau tujuan pensyariatan iaitu; memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Di sini, kita hendaklah beriman bahawa, keseluruhan syariat itu adalah bersifat memelihara kemaslahatan manusia dengan membuka ruang-ruang manfaat dan dalam masa yang sama menghindar kemudaratan. Ini selaras dengan firman Allah SWT menerusi surah al-Maidah, ayat 4:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا آتَيْنَاكُمْ قُلْ أَحِلَّ لَهُمْ ...
... الظَّيْبَاتُ

Bermaksud: “*Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): “Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?” Bagi menjawabnya katakanlah: “Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik...”*

Islam sebagai agama yang rahmah telah menyediakan suatu medan pendidikan umatnya agar menjalani kehidupan dengan gaya hidup yang sihat. Ini dapat dilihat menerusi pensyariatan puasa pada bulan Ramadan. Dalam bulan Ramadan, kita telah dilatih supaya mengawal pengambilan makanan melalui sunnah bersahur, menahan diri daripada makan dan minum pada siang harinya, memilih makanan dan minuman yang berkhasiat lagi halal ketika berbuka serta menyeimbangkan pengambilannya dengan amalan-amalan ibadah yang lainnya.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Demikian syariat Islam, ia menghendaki umatnya sentiasa dalam keadaan yang baik sama ada luaran atau dalaman. Bahkan seseorang mukmin yang sihat dan kuat lebih disukai oleh Allah SWT berbanding mukmin yang serba serbi sakit dan lemah. Justeru segala faktor yang mengundang kemudaratan



kepada kesihatan diri seseorang mukmin dan orang di sekelilingnya adalah suatu larangan dalam agama.

Antara perbuatan buruk yang membawa mudarat ialah tabiat merokok. Ia sudah terbukti memberi kesan buruk kepada kesihatan diri seseorang dengan mengakibatkan berbagai penyakit seperti barah otak, barah paru-paru, penyakit jantung dan lain-lain. Asap rokok juga mencemarkan udara sekeliling dan meninggalkan kesan mudarat kepada perokok dan orang awam disekelilingnya.

Selain itu, tabiat ini juga merupakan gejala pembaziran yang jelas dilarang oleh agama kerana perbelanjaan yang tidak mendatangkan sebarang faedah. Bayangkan, segelintir perokok yang menghabiskan satu kotak sehari. Jika sekotak rokok berharga enam belas ringgit sehingga lapan belas ringgit, ini bermakna dia telah membazirkan kira-kira empat ratus lapan puluh ringgit sehingga lima ratus empat puluh ringgit sebulan yang sepatutnya boleh diperuntukkan untuk perkara lain yang lebih berfaedah. Perhatikanlah, tidak ada satu negara pun di dunia ini yang mengatakan bahawa merokok adalah perkara yang baik bahkan ianya merosakkan dan medaratkan kesihatan.

Hadirin Muslimin yang dimuliakan,

Apa yang membimbangkan, terdapat golongan perokok yang bersikap sambil lewa terhadap tabiat jelek ini sekali pun menyedari ia membawa kesan mudarat kepada diri sendiri dan dilarang oleh agama. Kita seharusnya mengambil manfaat yang besar dalam bulan Ramadan yang lalu dengan menjadikannya sebagai titik tolak untuk berhenti dan meninggalkan tabiat merokok. Aidilfitri yang dirai bukanlah bermakna kembali kepada tabiat buruk



sebelum Ramadan, sebaliknya kembali kepada fitrah yang asalnya tidak merokok dan kembali menjalani gaya hidup yang sihat. Alangkah indahnya nikmat kesihatan itu jika ia dapat dimanfaatkan untuk beribadah kepada Allah SWT dengan sempurna.

Para tetamu Allah yang dirahmati Allah,

Mimbar kali ini mengajak seluruh umat Islam agar menjadi contoh dengan memberi kerjasama dan komitmen bagi merealisasikan persekitaran bebas asap rokok. Dalam masa yang sama, mimbar juga menyeru kepada perokok agar berazam dan berusaha menghentikan tabiat merokok. Pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya telah menyediakan berbagai kaedah bagi membantu para perokok untuk meninggalkan tabiat ini.

Justeru itu, perokok adalah diseru untuk mengunjungi fasiliti kesihatan baik di sektor awam atau sektor swasta yang menawarkan perkhidmatan berhenti merokok mQuit atau melayari laman sesawang yang berkaitannya. Mereka akan ditawarkan perkhidmatan ubat-ubatan dan kaunseling tingkah laku bagi mengatasi ketagihan terhadap rokok. Bagi mereka yang tidak merokok tetapi mempunyai ahli keluarga atau rakan-rakan perokok, kita tidak sewajarnya mencemuh dan membiarkan sahaja golongan ini, namun kita mestilah sentiasa memujuk dan menasihati mereka agar melatih jiwa untuk menolak sepenuhnya tabiat merokok dan seterusnya dapat berhenti daripada tabiat yang buruk ini.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

Pertama: Nikmat kesihatan tubuh badan adalah anugerah daripada Allah SWT dan wajib bagi kita memeliharanya.



Kedua: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 memutuskan bahawa merokok adalah **haram** dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan.

Ketiga: Umat Islam mestilah bebas daripada tabiat merokok bagi menjamin kesejahteraan hidup seluruh anggota masyarakat.

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf, ayat 157 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَحْدُوْنَهُ، مَكْثُوْبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ
وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاْمُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الْطَّيِّبَاتِ
وَيُحِرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَيِّثَ وَيَضْعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَلَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ
ءَامَنُوا بِهِ، وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُزِيلَ مَعَهُ، أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ



Terjemahan: “Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada perkara-perkara yang keji, dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk, dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur



(cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَأَيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِيلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتِهِ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ
لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِي الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ
الْأَمِينِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.

إِمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا
إِخْرَاجِيْنَ فِي اللَّهِ。 وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَثَنَّى
بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسِيْحَةِ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمٍ تَنْزِيلِهِ:



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْيَهَا الَّذِينَ أَمْنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيمٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ : أَئِي بَكْرٌ وَعُمَرٌ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَعَهَّمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ بِعِنْكَ وَكَرْمَكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ .

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يُغْ هَا مُولِياً سري قدوك بکیندا يغ دفتروان انگوڠ، سلطان عبد الله رعایة الدين المصطفی بالله شاه ابن المرحوم سلطان حاج احمد شاه المستعين بالله .

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يُغْ هَا مُولِياً سري قدوك بکیندا راج فرمایسوری انگوڠ، تونکو(Tunku) حاجه عزیزة أمینة میمونة إسکندریۃ بنت المرحوم المُتوَكِّل عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّارَاهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .



اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاجْذُلْ
مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَنَا، وَاهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ، وَنَجِنْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ
إِلَى النُّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا،
وَقُلُوبِنَا، وَأَرْوَاحِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ
لِنِعَمِكَ، مُثْنِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَائِلِينَ لَهَا وَأَتَمِّنَهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.